



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1976**

**Menempatkan Pemohon Atau Pemilik Tanah Bagi Maksud
Menggunakan Tanah Sebelum Diukur (Disemak 2007)**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 7/1976
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 7/1976

**Menempatkan Pemohon Atau Pemilik Tanah Bagi Maksud Menggunakan
Tanah Sebelum Diukur (Disemak 2007)**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat Pentadbir Tanah mengenai cara menempatkan pemohon atau pemilik tanah hakmilik sementara.

2. (i) Bagi keadaan Hakmilik Sementara dikeluarkan untuk tanah yang berdaftar di bawah *Approved Application* (AA) dan tanah tersebut hendak digunakan oleh pemilik berdaftar yang telah diluluskan pemberian hakmilik tanah tersebut, maka pemohon dibenarkan menggunakan tanah tersebut tertakluk kepada:-
 - a) semua pembayaran yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri telah dibayar;
 - b) selepas pemilik berdaftar berkenaan ditunjukkan kawasan dan sempadan tanah yang diluluskan; dan
 - c) lawatan tapak oleh Pegawai Petempatan yang menunjukkan kepada pemilik berdaftar sempadan tanah yang telah diluluskan.
- (ii) Pentadbir Tanah diingatkan supaya memastikan pemilik berdaftar:-
 - a) tidak memasuki tanah yang bukan diluluskan kepadanya;
 - b) tidak menduduki dan membina binaan melebihi atau di luar kawasan; dan
 - c) boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan jika menduduki tanah yang belum diberimilik.
3. Pemohon ataupun pemilik tanah yang belum diukur hendaklah ditempatkan dengan mengambil tindakan-tindakan yang tersebut di bawah ini:-
 - a) Pemohon atau pemilik tanah yang tanahnya belum diukur hendaklah ditunjukkan sempadan tanahnya;
 - b) Satu pengakuan penempatan menggunakan borang **Lampiran A** hendaklah ditandatangani oleh pemohon ataupun pemilik tanah yang belum diukur;
 - c) Kawasan tanah yang dimaksudkan hendaklah ditanda (*chart*) di dalam pelan pejabat dengan serta-merta;
 - d) Borang penempatan ini hendaklah difailkan dalam fail permohonan.
4. Pentadbir Tanah dikehendaki menentukan supaya tiap-tiap pemohon atau pemilik tanah yang belum diukur, ditempatkan menurut cara-cara yang disebutkan di perenggan 3 di atas.
5. Pekeliling ini dikekalkan selagi urusan berkaitan pengeluaran hakmilik bagi tanah AA masih belum selesai.

Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Pengakuan Penempatan

Bahawa saya
beralamat
pemohon/pemilik tanah yang belum diukur seluas lebih kurang a r
..... p di dalam mukim daerah
yang telah diluluskan pada menurut fail Bil.
mengaku bahawa sempadan tanah tersebut telah ditunjukkan kepada saya dan saya mengaku
akan menjaga tanda-tanda sempadan tanah itu.

2. Saya mengaku tidak akan menggunakan tanah lebih daripada yang diluluskan. Jika
terjadi yang demikian saya tidak akan menuntut hakmilik.

Disaksikan oleh

.....
Pegawai Penempatan

.....
Pemohon/Pemilik tanah yang
belum diukur

Daerah